

Karangan Naratif 7

Selesaikan cerita berikut:

“Kelas, saya ada pengumuman penting,” kata Cikgu Maimum, guru kelas kami. Dia kemudian menyuruh aku dan Mazlan berdiri. Kami bangun dan saling berpandangan. Mazlan dan aku kehairanan. Mengapakah kami disuruh berbuat demikian? . . .

Introduction

- Conflict
- Short Dialogue
- Suspense Elements

“Kelas, saya ada pengumuman penting,” kata Cikgu Maimum, guru kelas kami. Dia kemudian menyuruh aku dan Mazlan berdiri. Kami bangun dan saling berpandangan. Mazlan dan aku kehairanan. Mengapakah kami disuruh berbuat demikian?

“Kenapa cikgu?”

“Syafiqah, ada tetamu yang sedang menantikan kamu berdua di pejabat sekolah. [PERSON] Sebentar lagi guru disiplin akan datang. Kamu dan Mazlan boleh ikutnya ke pejabat sekolah.”

“Apa kesalahan kami?”

“Sudah terang lagi bersuluh. Pasti kamu tidak mahu saya beritahu apa yang telah kamu lakukan di depan pelajar-pelajar lain. Cukuplah saya katakan yang moga-moga apa yang akan berlaku kepada kamu berdua selepas ini akan menjadi pendorong kuat untuk kamu berubah. [INCIDENT]”

“Saya tidak bersalah!”

“Cuba fikirkan. Pasti ada sesuatu yang mengaitkan kamu. Kalau tidak, tidak mungkin kamu juga diminta ke pejabat sekolah. Sudahlah. Itu pun guru disiplin kita. Pergi ikut dia.”

Aku dan Mazlan menundukkan kepala. Setiap pasang mata memerhatikan kami berdua melangkah keluar dari kelas. Langkahku menjadi berat. Biasanya aku bangga bila dapat perhatian sedemikian, tetapi kali ini aku rasa sangat malu. Suara Cikgu Maimon masih kedengaran tetapi samar-samar apabila aku melangkah turun tangga. Aku tidak dapat dengar dengan jelas pengumuman yang sedang beliau lakukan. [OBJECT]

The Main

Developing
Syafiqah

- Action

Aku adalah anak sulung daripada dua beradik. Sejak ibu dan ayahku bercerai kerana kecurangan ayah, hubunganku dengan ibu bapaku menjadi renggang. Aku menyalahkan ayah di atas luputnya kebahagiaan dalam keluargaku kerana sikap ayah yang mementingkan dirinya sendiri. Walaupun aku memilih untuk tinggal dengan ibuku, perubahan pada diri ibu, yang kini selalu marah-marah kerana berasa tertekan setelah bercerai, membuatku mula menjauhinya. Aku mula hilang kepercayaan kepada mereka berdua untuk membesarkanku dengan baik. [Action 1]